

KHUTBAH KHAS AIDILFITRI 1444H/ 2023M

“AIDILFITRI : HARGAILAH NIKMAT KEMBALI KEPADA FITRAH ”
(22 April 2023M/ 1 Syawal 1444H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيقِ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ وَالتَّصْدِيقِ،
وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّةٍ وَطَرِيقٍ، وَجَعَلَهُمْ بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ أُمَّةٍ وَفَرِيقٍ. أَحْمَدُهُ عَلَى
النُّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا، وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِي بِهَا هَدَانَا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدْيِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُرْحَمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Pada hari pertama bulan Syawal yang penuh keberkatan dan kegembiraan ini, marilah kita bersama-sama membanyakkan puji-pujian dan kesyukuran kepada ilahi. Maha suci Allah yang telah mengurniakan bulan Ramadan untuk kita mengusahakan peningkatan pada iman dan takwa. Bulan yang menyuburkan kesungguhan kita untuk melakukan amal ibadah dan memupuk

akhlak yang mulia. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala amalan kita. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “**Aidilfitri: Hargailah Nikmat Kembali Kepada Fitrah**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Bermula dari terbenamnya matahari hari terakhir Ramadan semalam hingga sebelum solat sunat Aidilfitri sebentar tadi, kita bersama-sama telah melafazkan *takbir, tahmid, tahlil* dan *tasbih*, mengagungkan kebesaran Allah *subhanahu wata'ala* dan menzahirkan rasa kesyukuran atas Iman dan Islam, limpahan hidayah dan taufiq daripada-Nya, dalam usaha mentaati-Nya melalui ibadah puasa terutamanya, dan mengawal serta mendidik nafsu.

Semoga Aidilfitri yang kita sambut pada hari ini akan dipenuhi dengan amalan-amalan ibadah yang selari dengan ajaran Islam dan tidak mencemarkan cahaya Ramadan yang baru sahaja kita lalui, dan seterusnya memuliakan dan mensyukuri bulan Syawal ini dengan ketakwaan dan ketaatan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, Ramadan yang lalu, telah melatih kita untuk tunduk, dan sedia mentaati segala perintah serta larangan Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam*,

walaupun melalui pelbagai cabaran. Kini, setelah melalui ramadan kita dapat merasakan keghairahan dalam melaksanakan segala ibadah. Begitu juga halnya dalam menjauhkan diri daripada maksiat dan perkara-perkara makruh serta yang dibenci oleh syarak.

Ramadan menginsafkan kita supaya sentiasa bersyukur atas kurniaan yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala*, setelah merasakan kesusahan dan kesulitan seperti yang dialami oleh golongan yang kurang bernasib baik. Seterusnya, jiwa kita disemai dan disuburkan dengan perasaan kasih dan sayang kepada orang lain. Justeru, membangkit jiwa dan hati sanubari kita untuk membantu dan menyantuni mereka dengan penuh ikhlas serta mendoakan mereka ke arah kebaikan yang berkekalan.

Dalam mengharungi kehidupan dengan keadaan kos sara hidup yang semakin mencabar ini, janganlah kita melupakan mereka yang menghadapi kesukaran untuk meneruskan kelangsungan hidup, mereka yang kurang upaya, yang terlantar di hospital, yang memerlukan bantuan dan kasih sayang. Santunilah keadaan saudara mara, kaum kerabat, jiran tetangga, sahabat handai dan saudara seagama kita yang menyambut Aidilfitri dalam keadaan sedih, bersendirian, daif dan sebagainya supaya mereka dapat merasai nikmatnya berhari raya.

Jiwa yang dipenuhi dengan kasih sayang merupakan natijah ketakwaan daripada tarbiah Ramadan, ini mendekatkan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan menjadikan kita lebih

menyayangi sesama insan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam ayat 133-134, Surah Ali-Imran yang bermaksud:

“Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang yang bertakwa. (yaitu) Orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang yang menahan kemarahannya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang yang berbuat kebajikan”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Aidilfitri bererti merayakan hari kemenangan, iaitu kemenangan ke atas godaan hawa nafsu serta kembali kepada fitrah. Fitrah bererti jiwa seseorang yang meyakini adanya Tuhan Yang Maha Esa dan meyakini syariat-Nya. Dalam konteks Aidilfitri ialah kembali kepada keadaan suci tanpa dosa. Adalah tidak wajar seseorang yang kembali kepada fitrah cenderung kepada perkara yang menyalahi fitrah seorang insan.

Mutakhir ini kita terdedah dengan pelbagai unsur yang menyalahi syarak, seperti yang sering terpapar di media sosial dan sebagainya. Antaranya, kita didedahkan dengan gaya hidup yang melampau dan melalaikan, berbangga melakukan maksiat, kehidupan yang songsang, budaya hidup mencampur aduk antara taat dan maksiat, tidak dapat membezakan adat dan syariat. Jika dibiarkan berterusan dikhuatiri masyarakat kita tidak dapat membezakan antara yang hak dan batil, menganggap normal akan

perkara batil dan maksiat seterusnya terjerumus dan terlibat dalam kemungkaran. Tiada nilainya kemajuan sesebuah negara apabila penduduknya tidak berakhlak dan engkar perintah Allah. Ahmad Syauqi, seorang sasterawan Mesir pernah mengungkapkan sebuah syair yang berbunyi :

وَإِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ، فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksudnya: *Sesungguhnya kejayaan suatu umat (bangsa) terletak pada akhlaknya, selagi mereka berakhlak dan berbudi perangai mulia. Jika pada mereka telah hilang akhlaknya, maka jatuhlah umat (bangsa) itu.*

Justeru, kita hendaklah istiqamah memperkasakan jati diri sebagai seorang muslim yang sejati dan sedar akan kehidupan akhirat dengan usaha meningkatkan ilmu pengetahuan yang ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Kita turut dituntut mempertingkatkan keupayaan diri di samping mengukuhkan daya kepimpinan, sebagai satu budaya dalam kehidupan. Peliharalah keluarga kita agar sentiasa menjauhkan diri daripada perkara yang merosakkan jati diri sebagai seorang muslim. Mudah-mudahan segala sifat yang baik dan terpuji ini akan terus subur dan mekar dalam kehidupan masyarakat kita.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Hari Raya Aidilfitri adalah hari untuk bergembira dan bersyukur atas kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Hari untuk mengukuhkan persaudaraan, ukhuwwah dan perpaduan kita. Hidupkanlah

suasana Aidilfitri ini dengan amalan ziarah-menziarahi dan menghubungkan silaturrahim terutama kepada kedua ibu bapa kita. Pohonkanlah kemaafan atas segala keterlanjuran dan kesalahan, sama ada yang disedari ataupun yang tidak disedari. Dengan demikian, jiwa kita dapat merasai ketenangan dan kebahagiaan yang sebenar. Al-Khatib al-Baghdadi *rahimahullah* meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam kitabnya '*Tarikh Baghdad*' yang berbunyi:

« ثَلَاثَةٌ مِنْ مَكَارِمِ الْأَخْلَاقِ عِنْدَ اللَّهِ، أَنْ تَعْفُوَ عَمَّنْ ظَلَمَكَ، وَتُعْطِيَ مَنْ حَرَمَكَ، وَتَصِلَ مَنْ قَطَعَكَ »

Maksudnya: “Tiga perkara yang merupakan antara budi pekerti yang mulia di sisi Allah *subhanahu wata’ala*; hendaklah engkau memaafkan orang yang telah menganiaya dirimu, hendaklah engkau menolong orang yang telah memutuskan pemberiannya kepadamu, dan hendaklah engkau terus menjaga hubungan dengan orang yang telah memutuskan perhubungan denganmu.”

Selari dengan cahaya Ramadan, khatib menyeru agar kita meningkatkan rasa kasih mesra dan persaudaraan sesama Islam, mengukuhkan perasaan saling menghormati sesama manusia, saling bermaafan dengan ikhlas, bantu-membantu serta berazam terus menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian kepada Sarawak yang maju dan makmur dalam negara Malaysia madani.

Mengakhiri khutbah, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hujuraat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya : *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ . لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

KHUTBAH KEDUA AIDULFITRI

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Para Tetamu Allah yang dimuliakan!

Khatib ingin menyeru sekali lagi, marilah kita menyemarakkan amalan kunjung-mengunjung dengan memberi keutamaan kepada kedua ibubapa kita dan sanak saudara, bersalam-salaman dan bermaaf-maafan pada Hari Raya yang mulia ini. Lapangkanlah dada kita untuk memaafkan kesalahan dan kesilapan saudara-saudara kita.

Sesungguhnya, sambutan hari raya dalam Islam adalah ibadah. Dalam menikmati suasana berhari raya ini, hendaklah kita memastikan agar apa yang kita lakukan menepati syariat Islam. Peliharalah kefarduan solat dan kewajipan-kewajipan yang lain. Janganlah sesekali mencampur adukkan dengan perkara-perkara berbentuk maksiat, pembaziran dan kelalaian.

Justeru, dalam keseronokan kita menyambut hari raya dengan berkunjung ke rumah saudara mara dan rakan taulan, menghadiri

rumah terbuka dan sebagainya perlulah dibatasi oleh landasan syariat. Di mana pergaulan lelaki dan perempuan mestilah terkawal, batasan aurat hendaklah selari dengan tuntutan Islam, pakaian yang mencolok mata dan tidak selari dengan kehendak Islam hendaklah dihindari. Begitu juga hiburan melampau dan gajet-gajet yang melalaikan daripada kewajipan perlulah dielakkan. Marilah kita raikan kegembiraan dengan cara yang sederhana terutamanya dalam menjamu selera, dan menyediakan juadah untuk rumah terbuka dan sebagainya.

Akhirnya, setelah bergembira merayakan Aidilfitri, bersama-samalah kita teruskan semangat Ramadan yang tertanam di jiwa dengan melaksanakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal sebagaimana yang digalakkan untuk kita melakukannya. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

« مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ بِسِتٍّ مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ »

Maksudnya : *Sesiapa yang berpuasa Ramadan, dan diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.